



SIARAN MEDIA

KPKT SALURKAN RM217 JUTA BAGI MELESTARIKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN KOMUNITI DI NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 26 Julai 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM 217,418,115.55** menerusi siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke negeri Sabah bermula 25 hingga 26 Julai 2024. Peruntukan ini meliputi pelaksanaan projek-projek pembangunan dan naik taraf infrastruktur awam, pembangunan, perumahan, landskap serta komuniti demi kesejahteraan penduduk setempat.

Keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada Sabah ini adalah meliputi pelaksanaan 38 projek pembangunan dan naik taraf bagi tahun 2024 berjumlah **RM211,898,427.00** dan bantuan kewangan bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan 38 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) berjumlah **RM5,519,688.55 juta** bagi tahun 2023 hingga 2024.

Peruntukan KPKT sebanyak **RM211,898,427.00** adalah meliputi pelaksanaan projek pembangunan dan naik taraf di negeri Sabah seperti berikut :

1. Lapan (8) projek pembinaan baharu Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan peruntukan sebanyak RM54,947,900.00;
2. 12 projek melibatkan pembinaan baharu, pembinaan semula dan naik taraf balai bomba serta kuarters sebanyak RM18,450,000.00;
3. Lima (5) projek melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu merangkumi:
 - i. Projek Pembangunan di PBT Sabah sebanyak RM56,000,000.00;
 - ii. Baik pulih dan kerja pengukuhan cerun sebanyak RM3,000,000.00;

- iii. Membina tempat letak kereta bertingkat di Foh Sang, Luyang, Kota Kinabalu, Sabah sebanyak RM4,500,000.00;
 - iv. Naik taraf Pasar Awam Putatan, Sabah sebanyak RM500,000.00;
 - v. Membina Tapak Tamu Putatan, Sabah sebanyak RM700,000.00
4. Empat (4) projek berkaitan tapak pelupusan sisa pepejal dan tapak pelupusan sanitari sebanyak RM6,515,127.00;
 5. Empat (4) Program Pembangunan Landskap dan naik taraf Taman Awam sebanyak RM9,650,000.00;
 6. Dua (2) Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) sebanyak RM7,930,000.00;
 7. Program Baik Pulih Rumah di Bandar sebanyak RM4,480,000.00;
 8. Program Bina Baharu Rumah di Bandar sebanyak RM2,550,000.00; dan
 9. Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) sebanyak RM42,675,400.00.

Menerusi siri lawatan Sentuhan Kasih KPKT di Negeri Sabah selama dua hari ini, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) dan pasukan KPKT telah meninjau ke 10 lokasi berikut:

1. Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Putatan
2. PPR Taman Sri Serigai Putatan
3. Majlis Penyerahan Tapak Tamu Putatan
4. Projek Menaik Taraf Infrastruktur Pasar Am Donggongon, Penampang
5. Majlis Penyerahan Peruntukan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Gereja BCCM Penampang
6. Residensi Menggatal @ PR1MA
7. Taman Botani Tun Fuad Stephens
8. Sesi Kunjungan Hormat ke atas YAB Ketua Menteri Sabah dan Penyerahan Projek Naik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kayu Madang
9. Projek Baik Pulih Rumah di Pulau Gaya
10. Projek Menaik Taraf Dewan Serbaguna Luyang

Menurut YB KM, “Kerajaan MADANI sentiasa menitikberatkan pembangunan di setiap negeri dan wilayah termasuk Sabah. Tiada yang terpinggir dan tiada yang terabai”. Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini juga adalah **belanjawan berasaskan prestasi** atau “*performance-based budget*”. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan

fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan serta memastikan bahawa setiap projek tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi”.

Turut hadir bersama ialah Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib dan barisan Pengurusan Tertinggi KPKT.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa melaksanakan kerjasama berterusan antara Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga rakyat bagi memastikan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negara ini dapat dibangunkan secara holistik dan berdaya huni.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

